

28/01/2004

Pemimpin Asean nyata iltizam terus bekerjasama

KUALA LUMPUR: Pemimpin Asean menyuarakan keyakinan terhadap perkumpulan itu dan menyatakan iltizam untuk terus bekerjasama erat dalam pelbagai bidang termasuk keselamatan dan keamanan rantau ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri yang pulang dari lawatan ke Vietnam dan Kemboja awal pagi semalam berkata, ini kerana pemimpin Asean mahukan supaya integriti pertubuhan serantau itu terus kukuh dan proses pembangunan negara anggota tidak terganggu.

"Pemimpin terbabit menyatakan keyakinan mereka kepada Asean sebagai satu kumpulan wilayah untuk kerjasama yang erat dalam pelbagai bidang bagi menjamin keselamatan dan keamanan rantau ini dan sekali gus membolehkan usaha pembangunan negara Asean berjalan terus tanpa gangguan.

"Ada perasaan supaya proses untuk mengukuhkan Asean dan integrasi Asean digalakkan dengan berterusan dan yang mana boleh ditingkatkan akan ditingkatkan," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku Wira Tidak Didendang tulisan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Abdullah diminta mengulas hasil siri kunjungan hormat beliau terhadap pemimpin negara Asean selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, 31 Oktober lalu.

Sambil menyatakan penghargaan terhadap pemimpin terbabit yang menjadikan kunjungan hormat beliau sebagai lawatan rasmi, Abdullah berkata, daripada perbincangan dengan pemimpin Asean terbabit beliau mendapati mereka mahukan hubungan yang baik di kalangan negara anggota.